

799 rakyat Perlis isi jawatan SPA

UM 13-04-2011 ms.28

KANGAR 12 April - Seramai 35,801 daripada 1.6 juta calon yang mengemukakan permohonan pekerjaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) terdiri daripada rakyat negeri ini pada tahun lalu.

Setiausaha SPA, Datuk Lamien Sawiyo berkata, bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2010 itu, seramai 799 orang lulus temu duga dan dilantik oleh SPA untuk mengisi pelbagai jawatan ditawarkan.

“Ia cukup memberangsangkan, malah menunjukkan bahawa calon

dari Perlis antara yang berkualiti untuk diterima bekerja di bawah SPA,” kata beliau.

Beliau berkata demikian pada Karnival Kerjaya SPA yang dirasmikan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mat Isa Sabtu di Dewan Warisan, di sini, hari ini.

Turut hadir Pegawai Kewangan Negeri, Romli Dai; Mufti Negeri Perlis, Dr. Juanda Jaya dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Rosley Mat.

Mengenai karnival berkenaan, kata Lamien, SPA sentiasa melak-

sanakan tanggungjawabnya untuk membantu penduduk di seluruh negara bagi mendapatkan maklumat mengenai suruhanjaya tersebut, khususnya melibatkan kerjaya.

Sehubungan itu, kata beliau, SPA memberi tumpuan kepada tiga kumpulan sasar iaitu pemohon jawatan berdaftar, pegawai kerajaan terutama mereka yang belum di-sahkan atau diberi taraf berpencon serta kementerian, jabatan dan kerajaan negeri Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Perlis.



MD. Isa Sabu beramah mesra dengan pengunjung Karnival Kerjaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Kangar, semalam.



Sebahagian pengunjung yang mengunjungi karnival kerjaya anjuran Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Dewan Warisan semalam.

SPA batal tapisan keselamatan surat lantikan pegawai

BH 29-04-2011 ms.42

KUALA LUMPUR: Pegawai yang dilantik Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) ke perkhidmatan awam tidak lagi tertakluk dengan tapisan keselamatan untuk pengesahan pelantikan dan pengesahan dalam perkhidmatan.

Pegawai Perhubungan Awam SPA, Radziah Mohd Sharif, berkata serentak dengan itu, SPA membatalkan syarat tapisan keselamatan dalam surat tawaran yang dikeluarkan berkuat kuasa serta-merta.

"Ia dibuat selaras dengan keputusan kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011 yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan Pindaan Pelaksanaan Tapisan Keselamatan Bagi Pegawai Yang Dilantik Dalam Perkhidmatan Awam berkuat kuasa 20 April 2011," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2011 menyebut tapisan keselamatan bermaksud sebagai

proses memeriksa latar belakang pegawai oleh pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia bagi memastikan pegawai dilantik ke perkhidmatan awam bebas dan bersih daripada anasir subversif, espionaj dan sabotaj.

Radziah bagaimanapun berkata, pegawai terbabit masih perlu lulus tapisan keselamatan sama ada sebelum atau selepas disahkan dalam perkhidmatan.

"Pegawai yang tidak lulus tapisan keselamatan boleh ditamatkan perkhidmatan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

"Dengan pelaksanaan dasar baru ini, pengesahan dalam perkhidmatan boleh dibuat oleh SPA pada bila-bila masa saja apabila pegawai memenuhi syarat skim perkhidmatan serta syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa," katanya.

Oleh itu, katanya ketua jabatan boleh menghantar perakuan pengesahan ke SPA tanpa perlu menunggu tapisan keselamatan.

SPA tawar latihan separa perubatan

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) menawarkan 13 latihan separa perubatan bertaraf Diploma dan Sijil kepada orang ramai bagi sesi pengambilan Julai 2011.

Dalam satu kenyataan semalam, Setiausaha SPA, Datuk Lamien Sawiyo, berkata SPA menyediakan 1,688 kekosongan bagi diisi calon yang layak berusia antara 17 hingga 25 tahun atau pega-

wai dan kakitangan sedang berkhidmat perlu berusia tidak melebihi 51 tahun.

“Bagaimanapun, keutamaan diberikan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), yang diumumkan Selasa lalu.

“Untuk peringkat diploma, mereka yang terpilih akan menjalani latihan tiga tahun, manakala dua tahun bagi sijil. Latihan diberi secara percuma dan diberikan

biasiswa sepanjang pengajian,” katanya.

Lamien berkata, selepas berjaya menamatkan latihan, pelatih dijamin pekerjaan tetap dan ditempatkan di hospital atau klinik kesihatan kerajaan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Mereka yang berminat boleh melayari portal SPA di www.spa.gov.my. Tarikh tutup permohonan pada 1 April ini.